



PUSAT SAINS NEGARA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

NOTIS SEBUT HARGA KERJA

NO. SEBUTHARGA : PSN(S) 5018/2/1

**KERJA-KERJA NAIKTARAF PENDINGIN HAWA ATRIUM DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI
PUSAT SAINS NEGARA KUALA LUMPUR**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih sah Gred **G3** Kategori **M (Mekanikal)** Pengkhususan **M01 (Sistem Hawa Dingin Dan Pengedaran Udara)**.
(Tempoh sah sijil-sijil hendaklah tidak kurang 90 hari dari tarikh tutup iklan ini).
2. Taklimat sebut harga dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Penyebutharga hendaklah kemukakan **Sijil Pendaftaran Asal Lesen Kewangan, CIDB (Perakuan Pendaftaran Kontraktor & Sijil Perolehan Kerja Kerajaan) & PPK (Sijil Taraf Bumiputera), SSM (Sijil Pendaftaran Syarikat)** ketika sesi pendaftaran. **Surat Kebenaran Khas CIDB** adalah **dibenarkan**. Taklimat dan lawatan tapak akan diadakan seperti ketetapan berikut:

TARIKH	MASA	TEMPAT
25 April 2024 (Khamis)	10.00 pagi	Auditorium Ibnu Sina, Aras 3, Pusat Sains Negara Kuala Lumpur

(Perhatian: Kontraktor tidak dibenarkan menghantar wakil untuk hadir lawatan tapak)

3. Harga Dokumen Sebut Harga adalah **PERCUMA**.
4. Dokumen Sebut harga akan dihantar melalui **E-MEL RASMI SYARIKAT YANG BERDAFTAR DENGAN CIDB SAHAJA (e-mel persendirian tidak dibenarkan)** yang didaftarkan ketika pendaftaran sesi taklimat dan lawatan tapak serta syarikat yang berjaya melepasi syarat kelayakan yang ditetapkan seperti di para 2 bermula dari **25 April 2024 (Khamis)**.
5. Dokumen sebut harga dalam bentuk salinan cetak yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam satu (1) sampul surat dengan serahan tangan dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** di Unit Pengurusan, Aras 3, Pejabat Pentadbiran, Pusat Sains Negara, Persiaran Bukit Kiara, 50662 Kuala Lumpur pada **sebelum** atau **selewat-lewatnya** pukul **12.00 tengah hari**, tarikh **9 Mei 2024 (Khamis)**.
6. Sebarang pertanyaan sila hubungi **shahril@psn.gov.my**.